

27 JUN 2000

OIC-Misuari/I

OIC MESTI RUMUS PELAN TINDAKAN, KATA NUR MISUARI

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mesti merumuskan pelan tindakan untuk membolehkan pelaksanaan segera autonomi di Mindanao, kata Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari

Menurut beliau: "Saya tidak mahu ia dilengahkan lagi. Kami telah menunggu suku abad bagi autonomi ini. Tetapi sehingga sekarang tiada siapa yang tahu arah tuju kami."

"Jadi saya lebih suka jika OIC dapat memberi kata putus kepada kami...mereka perlu memberitahu kami bila penantian kami akan berakhir. Mereka mesti menetapkan jadual untuk kami merealisasi autonomi sebenar," kata beliau semasa ditemui pemberita di sesi ke 27th Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini, hari ini.

Nur Misuari, pengasas Barisan Kebangsaan Pembebasan Moro (MNLF) yang menandatangani perjanjian keamanan dengan kerajaan Filipina pada 1996 untuk menamatkan konflik bersenjata di Mindanao di Selatan Filipina.

"Kami tidak mahu pungutan suara...itu tidak berguna bagi kami. Yang penting ialah mesti ada ganti kepada permintaan asal kita. Kami menggugurkan permintaan bagi kemerdekaan, bagi penjajahan, bagi memerintah sendiri bagi autonomi sejak suku abad lepas," kata beliau.

Nur Misuari berkata, walaupun MNLF menandatangani perjanjian dengan Manila selepas lama memberontak, masih terdapat pihak tertentu di Mindanao yang tidak senang dengan kerajaan negara itu.

"Mereka ialah saudara saya, Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan Abu Sayyaf yang cuba mengeruhkan keadaan dengan melakukan tindakan seperti menculik dan sebagainya," kata beliau.

Kumpulan Abu Sayyaf mengaku bertanggungjawab 21 orang, iaitu sembilan rakyat Malaysia dan 12 warga asing dari Pulau Sipadan di Sabah pada 23 April lepas. Minggu lepas mereka membebaskan satu daripada sembilan rakyat Malaysia yang diculik itu atas semangat muhibah.

Gabenor itu berkata, kelewatan dalam pelaksanaan perjanjian itu boleh membawa kepada penubuhan kumpulan-kumpulan sampingan lain.

Filipina telah menghantar Alexander Aguirre, Penasihat Keselamatan Kebangsaan kepada Presiden Joseph Estrada untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa Enam Anggota OIC akan kemajuan pelaksanaan perjanjian keamanan di Mindanao.

Enam anggota jawatankuasa itu ialah. Indonesia, Bangladesh, Arab Saudi, Senegal, Somalia dan Libya.

Persidangan empat hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pagi ini, dihadiri oleh 1,000 perwakilan dari 56 negara anggota. Ia juga mempunyai empat lagi negara dengan status pemerhati antaranya Bosnia dan Herzegovina, Cote d'Ivoire dan Thailand. MNLF juga hadir sebagai pemerhati dalam OIC.

Nur Misuari, yang pernah bertindak sebagai ketua perunding bagi pihak kerajaan Filipina dalam usaha membebaskan mangsa-mangsa culik yang kini ditahan di Jolo berkata, bukan mudah untuk membanteras penculikan.

"Anda perlu faham apa orang ini mahu. Maklumat yang saya kumpulkan menunjukkan terdapat puak-puak dalam kumpulan mereka.

"Satu pihak mahu menumpukan pada aspek kewangan sementara yang satu lagi menumpukan pada politik khususnya mereka yang terbabit dalam penculikan," katanya.

-- BERNAMA

NZ PR